EDISI JANUARI - JUN 2025 (EDISI PERTAMA)

BULETIN MDTM

MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

بولتين

BERSIH.INDAH.CERIA

Emel: mdtm@kelantan.gov.my Tel: 099556023 Portal: https://mdtanahmerah.gov.my





Selamat Datang & Selamat Bertugas

YABRS. TUAN WAN AHMAD SUWAIDI BIN ZAINAL ABIDIN
(YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TANAH MERAH)
BERKUATKUASA MULAI 02 MAC 2025

> m/s 16







ISI KANDUNGAN

M/S	TAJUK
04	MAJLIS PERJUMPAAN SETIAUSAHA BERSAMA KAKITANGAN MAJLIS DAERAH TANAH MERAH
05	PEMERIKSAAN WANG TAHUN KEWANGAN 2024
05	PENGGREDAN PREMIS MAKANAN (KEDAI MAKAN/ RESTORAN)
06	ANUGERAH KELANTANKU BERSIH TAHUN 2024
06	MESYUARAT PENUH KHAS BILANGAN 1 TAHUN 2025
07	KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN LALUAN MASUK DAN SURAU
07	SESI SERAHAN KUNCI LORI SAMPAH KOMPAKTOR BAHARU
08	PROGRAM TAZKIRAH AGENSI BERSAMA JAHEAIK
09	PERJUMPAAN ANTARA SETIAUSAHA MDTM BERSAMA KAKITANGAN BAHAGIAN PENGUATKUASAAN
09	SESI PERJUMPAAN TUAN SETIAUSAHA MDTM BERSAMA KAKITANGAN LAPANGAN MDTM
10	SESI ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH TANAH MERAH
10	DELEGASI MAJLIS DAERAH BACHOK KE MAJLIS DAERAH TANAH MERAH BAGI TAKLIMAT SISTEM ePBT
11	UJIAN STANDARD KECERGASAN FIZIKAL PEMBANTU PENGUATKUASAAN
11	PROGRAM GOTONG ROYONG KOMUNITI PASAR BESAR TANAH MERAH TAHUN 2025
12	TAMAN GUILLEMARD VIEW@KUSIAL
14	SAMBUTAN MESRA WARGA RIAU INDONESIA DI TANAH MERAH
15	TAKLIMAT DAN PELANCARAN "LOCAL AGENDA 21" PERINGKAT MAJLIS DAERAH TANAH MERAH (MDTM) TAHUN 2025
16	TAKLIMAT PERSIAPAN KEWANGAN PERSARAAN & MENCARUM MELEBIHI KADAR BERKANUN (11%) BERSAMA KWSP
16	SEKALUNG TAHNIAH & SELAMAT DATANG
17	MAJLIS PELANCARAN QARYAH RAMADAN DAN TADARUS AL-QURAN PERINGKAT JAJAHAN TANAH MERAH
17	KEMPEN BEBAS BEG PLASTIK PASAR RAMADAN PERINGKAT JAJAHAN / DAERAH TANAH MERAH
18	MAJLIS PERJUMPAAN YABRS YANG DIPERTUA MDTM BERSAMA KETUA-KETUA BAHAGIAN / UNIT MDTM
18	RAMADAN TANPA BEG PLASTIK, LEBIH BERSIH, LEBIH HIJAU, LEBIH MAMPAN
19	MAJLIS PERJUMPAAN YABRS. TUAN YANG DIPERTUA BERSAMA KAKITANGAN MDTM
19	MAJLIS PERJUMPAAN YABRS YANG DIPERTUA MDTM BERSAMA KETUA-KETUA BAHAGIAN/ UNIT MDTM
22	WALK ABOUT BERSAMA PENGARAH KPDN NEGERI KELANTAN KE BAZAR RAMADAN RAHMAH, MDTM
22	PROGRAM TAZKIRAH AGENSI BERSAMA JAHEAIK TAHUN 2025
23	PERJUMPAAN YBRS SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH TANAH MERAH BERSAMA KAKITANGAN UNIT KEBERSIHAN
23	CAKNA MDTM BERSAMA PDRM (IPD TANAH MERAH)
24	MAJLIS PENYAMPAIAN ZAKAT OLEH BANK RAKYAT DAN JALIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) / PEKERJA CONTOH (PC) 2024
26	PERBINCANGAN BERKAITAN CADANGAN PENGURUSAN OPERASI TEMPAT LETAK KERETA
26	KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN DAN KAWASAN SEKITAR TERMINAL BAS EKSPRESS TANAH MERAH
27	KUNJUNG HORMAT DELEGASI JABATAN TENAGA KERJA NEGERI KELANTAN KE MAJLIS DAERAH TANAH MERAH
27	KERJA-KERJA RUTIN PENYELNGGARAAN LANDSKAP DI SEKITAR BANDAR TANAH MERAH
28	KERJA-KERJA RUTIN PENYELNGGARAAN LANDSKAP DI BANDAR KOTA HARMONI, TANAH MERAH
28	KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH SERTA MENGECAT SEMULA HENTIAN BAS DI LALUAN TEPI SKTM1
29	KERJA-KERJA KECERIAAN DAN KEINDAHAN BANDAR TANAH MERAH
30	KERJA-KERJA RUTIN PEMBERSIHAN PASAR BESAR TANAH MERAH
30	KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN LANDSKAP DI PERSEKITARAN PEJABAT TANAH JAJAHAN TANAH MERAH (PTJTM) SERTA PENEBANGAN DAHAN-DAHAN POKOK DI KEDIAMAN RASMI KETUA JAJAHAN TANAH MERAH
31	SAMBUTAN HARI TIBI SEDUNIA & AGENDA NASIONAL MALAYSIA (ANMS) 2025
31	KAJIAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN NEGERI KELANTAN DI GUILLEMARD @ VIEW KUSIAL , TANAH MERAH OLEH PUSAT KAJIAN STRATEGIK KERAJAAN NEGERI KELANTAN
32	PROGRAM TAKLIMAT PENGURUSAN DAN PROSEDUR PENSIJILAN HALAL PERINGKAT JAJAHAN TANAH MERAH
33	JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN 2025 MELALUI KAUNTER BERGERAK HARI INI
34	MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI ANJURAN BERSAMA MAJLIS DAERAH TANAH MERAH & JAJAHAN TANAH MERAH
36	HARI KESIHATAN DAN MDTM BERSAMA KOMUNITI TAMAN BARAKAH
36	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI SEKITAR PADANG MAJLIS DAERAH TANAH MERAH DAN LALUAN UTAMA
37	TAKLIMAT KERJA-KERJA NAIKTARAF PASAR BESAR TANAH MERAH FASA 3 TAHUN 2025
37	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU OLEH BAHAGIAN KEJURUTERAAN MAJLIS DAERAH TANAH MERAH
38	PENYERAHAN NOTIS 'E' CUKAI TAKSIRAN
39	PROGRAM GOTONG -ROYONG KOMUNITI DI TAMAN REKREASI LATA HUJAN, GUAL IPOH
39	KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT DI KAWASAN MEDAN BENTARA JELATOK JALAN PASIR MAS
40	KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA INFRAQUEST SDN.BHD. KE MAJLIS DAERAH TANAH MERAH
40	OPERASI PERANGKAP MINYAK MEDAN SELERA PASAR BESAR TANAH MERAH
41	MAJLIS MAKAN TENGAHARI MERAIKAN PETUGAS QARYAM RAMADAN MDTM 2025
41	KUNJUNG HORMAT PEJABAT BELIA SUKAN DAERAH TANAH MERAH KE MJALIS DAERAH TANAH MERAH
42	MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANADAR (PPKB) FASA 1
42	MESYUARAT PENYELARASAN GUILLEMARD BRIDGE RUN 2025
43	PROGRAM GOTONG ROYONG KOMUNITI & PEMBASMIAN TEMPAT PEMBIAKAN NYAMUK AEDES
43	PERSIAPAN PASUKAN MDTM MENJELANG PERLAWANAN PERSAHABATAN MENENTANG PASUKAN MAJLIS DAERAH TUMPAT
44	PERASMIAN PERSIDANGAN MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA PERINGKAT DAERAH TANAH MERAH SIDANG 1 SESI 2025-2026
44	MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN ECO SHOP DI PLAZA IMT-GT BUKIT BUNGA, TANAH MERAH
45	OPERASI PENGUATKUASAAN IKLAN TANPA KEBENARAN OLEH BAHAGIAN PENGUATKUASAAN MDTM
45	PERLAWANAN BOLA SEPAK PERSAHABATAN ANTARA MAJLIS DAERAH TANAH MERAH DAN MAJLIS DAERAH TUMPAT
46	TEMPAT-TEMPAT MENARIK DI TANAH MERAH

MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:
YABrs. Tuan Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin
(Yang Dipertua Majlis Daerah Tanah Merah)

PENASIHAT:
YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof
(Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah)

EDITOR:
YBrs.Encik Che Khairul Azhan bin Che Ahmad
(Ketua Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia)

PENGARANG:
Puan Hamizah binti Ishak

Cik Nina Khairina binti Ramly

DITERBITKAN OLEH:

Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat
Majlis Daerah Tanah Merah

SEKILAS INFO

Majlis Daerah Tanah Merah telah ditubuhkan pada 1 Januari 1979 di bawah Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) dengan kawasan yang diwartakan seluas 136.60 km. persegi.

Penubuhan ini dibuat dengan penyusunan semula beberapa kawasan untuk diletakkan di bawah satu pentadbiran iaitu gabungan tiga Penguasa Tempatan yang sedia ada serta beberapa pusat pertumbuhan ekonomi yang lain di jajahan ini.

PUSAT PERTUMBUHAN UTAMA

- Pusat Bandar Tanah Merah dan sekitar
- Bandar Baru Tanah Merah (Kota Harmoni)
- Bukit Bunga (Sempadan Malaysia-Thai)



AKTIVITI EKONOMI UTAMA

- Pertanian (Getah, Kelapa Sawit, Dusun)
- Perniagaan & Perkhidmatan
- Perindustrian
- Perlombongan (Emas, Besi, Manganese)
- Perkayuan

ARTERI UTAMA ALIRAN MANUSIA & KOMODITI TIMUR BARAT

- Di laluan pintas dari Terengganu ke Negeri Utara
- Di laluan utama dari Kelantan Utara ke Perak & Negeri Utara
- Tiga (3) jambatan rentas Sungai Kelantan (Kusial & Guillemard) dan akan datang, Pulau Raya

TAHUN	KAWASAN OPERASI (HA)	KAWASAN KAWALAN (HA)	LUAS KESELURUHAN (HA)	JUMLAH PENDUDUK
2025	5,634.02	81,125.98	86,760.00	158,400

SENARAI EJEN FLEXI PARKING TANAH MERAH

SYARIKAT	NAMA	ALAMAT	NO TELEFON
PIZZA MUSLIM	MOHAMMAD ATAR BIN IBRAHIM	LOT 5909, KAMPUNG BELIMBING, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0179819115
JAY GOLD TELECOMMUNICATION	AMRI FAISYAL BIN ABDULLAH	JALAN TASEK BAWAK, KUSIAL, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0149234559
FIEZA ENTERPRISE	NOR HAFIZAH BINTI ABD RAHMAN	LOT PT 403, JALAN TASEK, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0102369924
FILA KAHRAAMIE ENTERPRISE	SAUFI	447, JALAN TASEK, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0139397466
FRENZ PET SHOP	JUFRI JUNAIDI	PT 464, TINGKAT BAWAH BANGUNAN JALAN TASEK, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0138938903
SISSY WARDROBE COLLECTION	SITI	280 JALAN HULU PASAR, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0179860533
KEDAI EMAS MING SIN	LOH SIEW MEI	33 JALAN HILIR PASAR, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0132990714

SENARAI EJEN FLEXI PARKING TANAH MERAH

SYARIKAT	NAMA	ALAMAT	NO TELEFON
SENG HONG HARDWARE	TOR TSUEY HUA	LOT 27, JALAN DATO' NIK MUSTAPHA, TANAH MERAH, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0199398070
MAJLIS DAERAH TANAH MERAH	ANIS NABILA	TANAH MERAH, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0149246165
MAJLIS DAERAH TANAH MERAH	ROHAYA	TANAH MERAH, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0169586144
MAJLIS DAERAH TANAH MERAH	IZWAN	TANAH MERAH, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0129607766
TIGA SATU TIGA SATU TELECOMMUNICATION	IMNINJAVAN	PT 4917 (TGKT BAWAH) TAMAN KOTA HARMONI, JALAN CEMPEKA MERAH, 17500 TANAH MERAH	0105111311
KLINIK KOTA HARMONI	TAY CHIU MEI	TAMAN KOTA HARMONI, PT 4909, JLN CEMPAKA MERAH, TANAH MERAH, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	01111616136
MAJLIS DAERAH TANAH MERAH	NURULATUF BIN MD RAZALI	TANAH MERAH, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0175542638
ZN LEGACY BEATY	SYAFIDA	LOT 213 BANGUNAN TABUNG HAJI JALAN HOSPITAL, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN	0189784877
B 808 RESOURCES	HADI BIN IBRAHIM	B 808 PT 494-T1 JLN TASEK 17500 TANAH MERAH KELANTAN	0163855550



Majlis Perjumpaan

Setiausaha Bersama Kakitangan Majlis Daerah Tanah Merah

TANAH MERAH, 08 JANUARI 2025 (RABU) - Majlis Perjumpaan YBrs. Setiausaha Bersama Dengan Kakitangan Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) telah berlangsung dengan jayanya pada 8 Januari 2025 bertempat di Dewan Jubli Perak (MBI-MDTM).

Majlis dipengerusikan oleh YBrs. Che Khairul Azhan bin Che Ahmad, Penolong Pegawai Tadbir Kanan MDTM, dengan kehadiran YBrs. Nik Mohamad Dzul Wal Ilkram bin Zulkarnain, Penolong Setiausaha, serta ketua-ketua jabatan dalam MDTM.

Seluruh warga MDTM amat mengalu-alukan kehadiran YBrs. Setiausaha yang mula berkhidmat pada 01 Januari 2025. Dalam majlis ini, YBrs. Setiausaha telah memberi ucapan alu-aluan dan salam perkenalan kepada semua kakitangan, yang sekaligus membuka ruang untuk meningkatkan kerjasama dan komunikasi dalam menjalankan tugas demi kemajuan MDTM.



"YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof"

PEMERIKSAAN WANG TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN 2024

DI MAJLIS DAERAH TANAH MERAH







TANAH MERAH, 01 JANUARI 2025 (RABU) – Pemeriksaan wang tunai bagi Tahun Kewangan 2024 di Majlis Daerah Tanah Merah telah dilaksanakan pada hari ini mengikut ketetapan dan arahan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 310.

Pemeriksaan ini dihadiri oleh ahli-ahli Lembaga Pemeriksa Wang Tunai, yang diketuai oleh YBrs. Encik Mohd Shuhairy bin Samsudin. Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk memastikan ketepatan dan ketelusan pengurusan kewangan di peringkat Majlis Daerah Tanah Merah, serta memastikan semua rekod dan transaksi kewangan adalah teratur.

Dengan adanya pemeriksaan ini, diharap ia dapat memperkukuhkan lagi integriti serta keyakinan awam terhadap pengurusan kewangan Majlis Daerah Tanah Merah.

PENGGREDAN PREMIS MAKANAN (KEDAI MAKAN / RESTORAN)



TANAH MERAH, 08 JANUARI 2025 (RABU) - Bagi menjamin kualiti makanan, Majlis Daerah Tanah Merah telah membuat pemeriksaan & penggredan sebanyak 10 premis makanan di sekitar Bandar Tanah Merah pada 8 Januari 2025.

Pemilik premis seharusnya memastikan tempat simpanan makanan (peti sejuk) sentiasa bersih dan susunan makanan dalam keadaan teratur. Pemasangan perangkap minyak adalah wajib bagi permohonan lesen perniagaan premis makanan.

P/S: *Makanan selamat perlu dikawalselia oleh pihak berkuasa dalam memastikan kesihatan pengguna terus terbela.*

ANUGERAH KELANTANKU BERSIH

TAHUN 2024







KOTA BHARU, 12 JANUARI 2025 (AHAD) - Tahniah kepada semua pemenang, terutamanya Majlis Daerah Tanah Merah yang telah berjaya meraih Tempat Ketiga bagi Kategori Taman Perumahan Terbersih (Taman Kota Harmoni) dan Naib Johan bagi Kategori Tandas Awam PBT (Tandas Awam Dataran MDTM) dalam Anugerah KelantanKu Bersih Tahun 2024. Anugerah ini disampaikan oleh YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan, Timbalan Menteri Besar Kelantan, dan turut dihadiri oleh YABrs. Tuan Haji Ahmad Adlee bin Yasin (YDP Majlis Daerah Tanah Merah) YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusoff (Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah),

Serta barisan kepimpinan lain iaitu YBrs. Tuan Haji Mohd Nazir bin Yusoff (Ketua Whip) YBrs. Tuan Haji Wan Yusoff bin W. Mustafa (Timb. Ketua Whip), YBrs. Encik Azman bin Isa (Pengerusi Jawatankuasa Kebersihan, Keindahan Bandar dan Alam Sekitar). Anugerah diterima berbentuk wang tunai berjumlah RM3000, trofi anugerah, dan sijil penghargaan. Selain itu, Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan untuk tahun 2023 dan 2024 telah diperuntukkan sebanyak RM191,200.30. Tahniah diucapkan oleh seluruh warga kerja Majlis Daerah Tanah Merah atas pencapaian ini. Terima kasih atas sokongan dan kerjasama semua!



MESYUARAT PENUH KHAS BILANGAN 1 TAHUN 2025





KOTA BHARU, 13 JANUARI 2025 (ISNIN) – Seramai 23 orang Ahli Majlis telah mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) bagi Tahun 2025 bertempat di Grand Riverview Hotel, Kota Bharu.

Lafaz akuan penerimaan jawatan telah dilakukan di hadapan YABrs Tuan Haji Ahmad Adlee bin Yasin, Yang DiPertua MDTM dan disaksikan oleh YBrs Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha MDTM, YB Dato' Haji Abdul Fattah bin Haji Mahmood (ADUN Bukit Panau), YB Tuan Bahari bin Mohamad Nor (ADUN Gual Ipoh), dan YB Tuan Mohd Almidi bin Jaafar (ADUN Bukit Bunga).



KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN LALUAN MASUK DAN SURAU

SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PPR GUAL IPOH TANAH MERAH

MDTM turut membantu membuat pembersihan kawasan iaitu kerja-kerja pemotongan rumput di laluan utama dan kerja-kerja pembersihan di surau yang akan digunakan sebagai Majlis Penyerahan Surat Tawaran PPR Gual Ipoh Tanah Merah oleh YB Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan yang akan diadakan pada 20 Januari 2025 (Isnin).

SESI SERAHAN KUNCI LORI SAMPAH KOMPAKTOR BAHARU

TANAH MERAH, 22 JANUARI 2025 - Satu sesi penyerahan kunci jentera baru, Lori Sampah Kompaktor MDTM, telah diadakan di Perkarangan Dewan Jubli Perak Majlis Daerah Tanah Merah (MBI-MDTM) pada lebih kurang jam 10.00 pagi. Sesi ini turut dihadiri oleh Pn. Wan Doti Nozarina bt Wan Yahya (Pengerusi Jawatankuasa Kebersihan), En. Azman bin Isa (Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebersihan), En. Nik Mohamad Dzul Wal Ilkram bin Zulkarnain (Penolong Setiausaha), Mandur Kebersihan dan beberapa kakitangan MDTM yang lain.

Dengan adanya jentera baru ini, kami berharap agar perkhidmatan kebersihan di daerah Tanah Merah dapat dipertingkat sekaligus membolehkan penjagaan kebersihan yang lebih cekap di daerah ini demi kesejahteraan komuniti setempat.





PROGRAM TAZKIRAH AGENSI BERSAMA JAHEAIK

23 JANUARI 2025

TANAH MERAH, 23 JANUARI 2025 - Program Tazkirah Agensi bersama JAHEAIK bagi tahun 2025 telah dilaksanakan pada hari ini, 23 Januari 2025 (Khamis). Tazkirah bertajuk Isra' Mikraj ini disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Ahmad Amirul bin Zulkifli, Imam Tua Masjid Mukim Lalang Pepuyu.



Program yang berlangsung dari jam 8.30 - 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat Utama (BMU) Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) turut dihadiri oleh YBrs. Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha MDTM dan para kakitangan yang lain.

Semoga ilmu yang dikongsi dapat memberi manfaat kepada semua yang hadir
Terima kasih di atas sokongan dan komitmen bersama!





PERJUMPAAN ANTARA SETIAUSAHA MDTM BERSAMA KAKITANGAN BAHAGIAN PENGUATKUASAAN



TANAH MERAH, 26 JANUARI 2025 (AHAD) - Perjumpaan bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof (Setiausaha) Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) telah diadakan di Dataran MDTM pada jam 8.30 pagi. Dalam perjumpaan ini, YBrs. Setiausaha memberikan kata-kata amanat dan motivasi kepada Bahagian Penguatkuasaan MDTM untuk terus bekerja dengan lebih dedikasi, profesional, dan berintegriti dalam menjalankan tugas masing-masing.

YBrs. Setiausaha menekankan pentingnya kerjasama yang erat antara semua pihak demi mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan kepada masyarakat. Turut hadir, YBrs. Nik Mohamad Dzul Wal Ilkram bin Zulkarnain (Penolong Setiausaha) MDTM. Semoga setiap usaha yang dilakukan dapat memberi impak positif kepada daerah Tanah Merah.

SESI PERJUMPAAN TUAN SETIAUSAHA MDTM BERSAMA KAKITANGAN LAPANGAN MDTM

TANAH MERAH, 26 JANUARI 2025 - Satu sesi perjumpaan antara Tuan Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) dan kakitangan lapangan luar MDTM telah diadakan pada 26 Januari 2025 (Ahad), jam 2.30 Petang bertempat di Stor Majlis Daerah Tanah Merah.

Perjumpaan ini melibatkan kakitangan daripada Unit Kebersihan, Unit Taskforce, Unit Landskap, serta Unit Kimpalan & Unit Bengkel. Ia bertujuan untuk memperkukuhkan komunikasi dan memberi peluang kepada Tuan Setiausaha untuk memberikan kata-kata amanat dan dorongan kepada semua kakitangan luar MDTM dalam melaksanakan tugas dengan lebih baik.



SESI ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MAJLIS DAERAH TANAH MERAH





TANAH MERAH, 26 JANUARI 2025 (AHAD) - satu sesi angkat sumpah telah diadakan bagi mengiktiraf pelantikan YBhg. Dato' Samsuri bin Awang Mat sebagai salah seorang Ahli Majlis, Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM). Sesi tersebut berlangsung di pejabat YBrs. Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Tanah Merah, disaksikan oleh YABrs. Tuan Haji Ahmad Adlee bin Yasin (Yang Dipertua MDTM) dan YBrs. Tuan Haji Khairil Hazmie bin Yusof (Setiausaha MDTM), pada jam 12.30 tengah hari.

Turut hadir, YBrs. Che Khairul Azhan bin Che Ahmad (Penolong Pegawai Tadbir Kanan MDTM). Semoga dengan pelantikan ini, kerjasama antara ahli majlis dapat terus diperkukuhkan demi memajukan dan memelihara kesejahteraan masyarakat Tanah Merah.

DELEGASI MAJLIS DAERAH BACHOK KE MAJLIS DAERAH TANAH MERAH BAGI TAKLIMAT SISTEM ePBT

TANAH MERAH, 28 JANUARI 2025 (SELASA) - Alhamdulillah, Taklimat Sistem ePBT bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Majlis Daerah Tanah Merah (BMU MDTM) telah berjalan dengan lancar. Delegasi Majlis Daerah Bachok, Bandar Pelancongan Islam, diketuai oleh YBrs. En. Hazwan Rizal bin Abdull Hallim, Penolong Setiausaha Majlis Daerah Bachok (MDB), hadir untuk mempelajari lebih lanjut mengenai pelaksanaan Sistem ePBT sesuai pencapaian MDTM memperoleh Sijil Pematuhan Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan (SAGA) baru-baru ini.

Taklimat ini turut dihadiri oleh YBrs. Nik Mohamad Dzul Wal Ilkram bin Zulkarnain (Penolong Setiausaha MDTM), Ketua-Ketua Unit/ Bahagian dan beberapa kakitangan lain dari kedua-dua PBT. Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan taklimat ini. Semoga ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan untuk mempertingkatkan sistem kewangan dan pentadbiran di peringkat tempatan.







UJIAN STANDARD KECERGASAN FIZIKAL PEMBANTU PENGUATKUASAAN





TANAH MERAH, 11 FEBRUARI 2025 (SELASA) - Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) telah berjaya menganjurkan Ujian Standard Kecergasan Fizikal untuk jawatan Pembantu Penguatkuasa KP1 yang bertempat di Dewan Jubli Perak, Majlis Daerah Tanah Merah. Ujian ini berlangsung bermula jam 08.00 pagi hingga 12.30 tengah hari, melibatkan beberapa ujian kecergasan seperti BMI, lompat jauh, lari ulang alik, dan angkat berat. Ujian ini turut dihadiri oleh YBrs Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie Bin Yusof, Setiausaha MDTM bersama YBrs Encik Nik Mohd Dzul Wal Ilkram Bin Zulkarnain, Penolong Setiausaha yang memberi sokongan penuh kepada program ini. Panel penilai terdiri daripada Pegawai Bomba dan Penyelamat Malaysia Daerah Tanah Merah, yang turut membantu memastikan ujian dijalankan dengan lancar. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan ujian ini, khususnya kepada para peserta yang telah menunjukkan komitmen tinggi.




23 Februari 2025 - Program gotong royong komuniti anjuran MDTM telah diadakan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pejabat RELA Daerah Tanah Merah, Pejabat Pertahanan Awam Daerah Tanah Merah, Pejabat Kesihatan Daerah Tanah Merah, pihak pemajak kebersihan pasar, peniaga-peniaga Pasar Besar Tanah Merah dan turut serta kakitangan Majlis Daerah Tanah Merah.

Program ini turut dihadiri oleh Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusoff (Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah), serta barisan kepimpinan lain iaitu YBrs. Tuan Haji Mohd Nazir bin Yusoff (Ketua Whip), Pn. Wan Doti Nozarina bt Wan Yahya (Pengerusi Jawatankuasa Kebersihan) dan Ahli-ahli Majlis, Majlis Daerah Tanah Merah.

MDTM sentiasa cakna mengadakan program seumpama ini bagi menambahkan keceriaan dan mengekalkan kebersihan di persekitaran Pasar Besar Tanah Merah.

TAMAN Guille BRI







Guillemard merupakan sebuah kawasan yang terletak di daerah Tanah Merah, Kelantan. Nama kawasan ini berasal daripada nama seorang tokoh British iaitu Sir Laurence Guillemard, yang pernah menjawat jawatan sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu dari tahun 1920 hingga 1927. Nama ini diberikan sebagai tanda penghormatan kepada beliau atas sumbangan terhadap pembangunan infrastruktur semasa zaman penjajahan British.

Salah satu tinggalan paling terkenal yang dikaitkan dengan nama ini ialah Jambatan Guillemard, yang terletak di Kampung Kusial, Tanah Merah. Jambatan ini dibina merentasi Sungai Kelantan dan telah siap pada tahun 1924. Ia merupakan jambatan kereta api terpanjang di Tanah Melayu ketika itu dan digunakan untuk menghubungkan laluan penting antara negeri-negeri di Pantai Timur. Jambatan ini menjadi bukti kemajuan kejuruteraan pada zaman penjajahan.

GUILLEMARD VIEW

VIEW Mard DGE







Kampung Kusial dan kawasan sekitarnya kini masih dikenali dengan nama Guillemard, termasuk wujudnya kem tentera dan penempatan yang menggunakan nama tersebut. Walaupun penjajahan telah lama berakhir, nama ini kekal digunakan dan menjadi satu simbol sejarah kolonial yang masih bertahan hingga hari ini. Ia juga sering menjadi rujukan dalam bidang sejarah tempatan di Kelantan.

Kesimpulannya, nama Guillemard bukan sekadar nama tempat biasa, tetapi menyimpan nilai sejarah yang tinggi. Ia mengingatkan kita tentang peranan tokoh British dalam pembentukan sistem pengangkutan dan pembangunan di Tanah Melayu. Oleh itu, penting bagi generasi kini untuk mengetahui dan menghargai asal usul tempat-tempat bersejarah seperti Guillemard agar warisan ini tidak dilupakan.



SAMBUTAN MESRA WARGA RIAU INDONESIA DI TANAH MERAH

Tanah Merah, 23 Februari 2025 (Ahad) - Majlis Daerah Tanah Merah amat berbesar hati menerima kunjungan dari delegasi Warga Riau Indonesia sempena **Fam Trip Explorasi Kelantan Malaysia x Riau Indonesia**. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan :

1. Arca Durian Kunyit D197 Tanah Merah – Menyaksikan keindahan Arca Durian Kunyit sebagai simbolik kepada asalnya Durian Kunyit di Pulau Raya Tanah Merah. Sambutan turut diserikan dengan acara seni silat sebagai sambutan kepada rombongan Riau ke Tanah Merah.

2. Guillemard View di Guilermard Bridge, Tanah Merah – Menikmati sesi minum petang dengan sajian makanan tradisional seperti kuih tepung bungkus, lepat pisang, akok, cara berlauk, ketupat dakap, ketupat palas dan juga buah-buahan. Turut diadakan sedikit perkongsian ringkas berkaitan sejarah Guilemard Bridge dan perancangan masa hadapan.

Paling menarik ahli rombongan dari Riau turut menyertai dikir barat bersama-sama dengan pasukan dikir MDTM yang mengadakan persembahan. Jualan pelbagai barangan cenderamata juga turut menarik perhatian para peserta.

3. Batu Gajah - Melihat tinggalan sejarah di kawasan berkaitan.

4. Bukit Bunga, Tanah Merah - Peserta rombongan sempat meninjau lokasi perniagaan yang sedang membangun di sempadan antara Tanah Merah Dan juga Jeli yang juga bersempadan dengan Buketa Thailand.

Terima kasih kepada warga Riau, Indonesia atas kunjungan yang penuh bermakna. Semoga hubungan erat ini terus terjalin!





TAKLIMAT DAN PELANCARAN "LOCAL AGENDA 21" PERINGKAT MAJLIS DAERAH TANAH MERAH (MDTM) TAHUN 2025


Tanah Merah, 25 Februari 2025 (Selasa) – Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) telah menganjurkan Taklimat dan Pelancaran "Local Agenda 21" bagi tahun 2025 / 1446H sebagai inisiatif memperkasakan pembangunan mampan di peringkat tempatan. Program ini telah berlangsung di Dewan Dato' Bentara Kanan, Pasar Besar Tanah Merah, bermula dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang.

Majlis dimulakan dengan sesi taklimat pelesenan oleh pihak MDTM disusuli taklimat kesihatan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Tanah Merah. Selain sesi taklimat, kaunter perkhidmatan turut disediakan bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat serta menjalankan urusan berkaitan seperti aduan awam, cukai taksiran, dan pembaharuan lesen perniagaan. Seiring dengan inisiatif ini, MDTM turut mempromosikan kempen **"Katakan Tidak Kepada Beg Plastik"** sempena bulan Ramadan, dengan menyeru orang ramai membawa beg kitar semula ketika berbelanja di bazar Ramadan. Langkah ini bertujuan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna dan menggalakkan amalan mesra alam dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, MDTM juga turut memperkenalkan konsep **"Cashless Bazar Ramadan"** dengan kerjasama agensi perbankan yang menggalakkan para peniaga dan pengunjung menggunakan transaksi tanpa tunai bagi meningkatkan kecekapan perniagaan dan keselamatan kewangan di bazar Ramadan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Nazir bin Yusoff, Ketua Whip merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelesenan, Peniaga Kecil dan Pembangunan Usahawan Majlis Daerah Tanah Merah. Turut hadir memeriahkan program adalah YBrs Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof (Setiausaha MDTM), YBrs. Puan Wan Doti Nozarina binti Wan Yahya (Pengerusi Jawatankuasa Kebersihan, Keindahan Bandar dan Alam Sekitar MDTM), Ahli-ahli Majlis dan Ketua-Ketua Bahagian MDTM.

Pihak Majlis berharap inisiatif ini mendapat sambutan positif daripada masyarakat setempat serta menjadi pemangkin kepada perubahan yang lebih baik dalam aspek kelestarian dan pengurusan alam sekitar di Tanah Merah.



TAKLIMAT PERSIAPAN KEWANGAN PERSARAAN & MENCARUM MELEBIHI KADAR BERKANUN (11%) BERSAMA KWSP





TANAH MERAH, 27 FEBRUARI 2025 (KHAMIS) - Taklimat Persediaan Kewangan Persaraan & Mencarum Melebihi Kadar Berkanun (11%) Bersama KWSP telah diadakan dengan jayanya pada 27 Februari 2025 (Khamis) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama (BMU) MDTM, terdiri daripada peserta kakitangan pencarum KWSP.

Taklimat tersebut disampaikan oleh YBrs. En. Mawardi Bin Kamaru Zaman (Penasihat Perhubungan KWSP Tanah Merah) dan turut dihadiri oleh YBrs. En. Mohd Risal Bin Mustapha (Eksekutif Perhubungan KWSP Tanah Merah). Terima kasih kepada mereka yang telah berkongsi ilmu serta panduan yang berguna mengenai persediaan kewangan persaraan.

Semoga ilmu yang diperoleh dapat memberi manfaat kepada semua peserta dalam merancang masa depan kewangan mereka.

Sekalung Tahniah & Selamat Datang



Sekalung Tahniah

YABRS. TUAN HJ AHMAD ADLEE BIN YASIN

ATAS PELANTIKAN SEBAGAI
TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)
NEGERI KELANTAN BERKUATKUASA MULAI
16 FEBRUARI 2025

Selamat Datang

YABRS. EN. WAN AHMAD SUWAIDI BIN ZAINAL ABIDIN

YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TANAH MERAH
BERKUATKUASA MULAI
02 MAC 2025



MAJLIS PELANCARAN QARYAH RAMADAN DAN TADARUS AL-QURAN PERINGKAT JAJAHAN TANAH MERAH



TANAH MERAH, 3 MAC 2025 (ISNIN) - Alhamdulillah, Majlis Pelancaran Qaryah Ramadan dan Tadarus Al-Quran Peringkat Jajahan Tanah Merah yang diadakan pada 03 Mac 2025 telah berjalan dengan lancar. Program dimulakan dengan ketibaan para tetamu dan jemputan pada jam 5.00 petang, diikuti dengan ucapan aluan oleh YABrs. Yang DiPertua Majlis Daerah Tanah Merah. Acara perasmian disempurnakan oleh YAB. Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud, Menteri Besar Kelantan, yang turut melancarkan Qaryah Ramadan 2025/ 1446H dan memulakan Program Tadarus Al-Quran. Majlis diteruskan dengan berbuka puasa bersama, solat Maghrib, dan jamuan makan VIP. Terima kasih kepada semua yang hadir dan menyokong, serta kepada pihak-pihak yang telah menjayakan program ini. Semoga keberkatan Ramadan ini membawa manfaat kepada kita semua.



KEMPEN BEBAS BEG PLASTIK PASAR RAMADAN PERINGKAT JAJAHAN / DAERAH TANAH MERAH

TANAH MERAH, 03 MAC 2025 (ISNIN) – Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) telah mengambil langkah proaktif dengan mengedarkan 200 beg kitar semula kepada orang ramai di beberapa Pasar Ramadan dalam Jajahan Tanah Merah. Program ini bertujuan untuk mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan amalan kitar semula dan penjagaan alam sekitar. Inisiatif ini turut disertai oleh YABrs. En. Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin, Yang Dipertua MDTM, serta YBrs. Tn. Hj. Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha MDTM, yang bersama-sama memberikan sokongan penuh terhadap kempen ini. Kempen ini juga menggalakkan orang ramai untuk membawa beg kitar semula mereka sendiri ketika membeli di Pasar Ramadan, sekaligus mengurangkan penggunaan beg plastik yang memberi impak negatif terhadap alam sekitar. Dengan adanya edaran beg kitar semula ini, diharapkan dapat memberi contoh dan galakan kepada masyarakat untuk lebih bertanggungjawab terhadap persekitaran mereka. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Majlis Daerah Tanah Merah untuk mewujudkan komuniti yang lebih peka terhadap isu alam sekitar dan menjayakan Malaysia yang lebih hijau.

MAJLIS PERJUMPAAN YABRS YANG DIPERTUA MDTM BERSAMA KETUA-KETUA BAHAGIAN/ UNIT MDTM



TANAH MERAH, 04 MAC 2025 (SELASA) - Majlis Perjumpaan YABRS En Wan Ahmad Suwaidi Bin Zainal Abidin, Yang Dipertua Majlis Daerah Tanah Merah (YDP MDTM) bersama Ketua-ketua Bahagian/Unit MDTM telah diadakan dengan jayanya pada hari ini bertempat di Bilik Mesyuarat Utama MDTM, bermula pada jam 9.30 pagi dan berlangsung sehingga lebih kurang jam 1 tengah hari. Sesi perjumpaan ini diadakan sempena pelantikan rasmi beliau sebagai YDP baru yang berkuat kuasa pada 2 Mac 2025. Majlis ini memberikan peluang kepada YDP untuk berbincang dan berinteraksi secara langsung dengan semua Ketua Bahagian/Unit MDTM, bagi memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama dalam usaha meningkatkan keberkesanan pentadbiran Majlis Daerah Tanah Merah.

Selain itu, YDP turut melawat semua Bahagian/Unit di MDTM untuk melihat perkembangan dan operasi setiap bahagian dengan lebih dekat, ditemani oleh YBRS Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie Bin Yusof, Setiausaha MDTM, serta PSU dan PPT Kanan. Harapan YDP adalah agar melalui pertemuan dan lawatan ini, semua pihak dapat bekerja dengan lebih bersemangat dan komited dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Dengan kerjasama yang erat dan komunikasi yang berterusan, diharap Majlis Daerah Tanah Merah akan terus maju dan berjaya dalam mencapai visi dan misi yang telah digariskan, demi kemajuan dan kesejahteraan masyarakat Tanah Merah.







RAMADAN TANPA BEG PLASTIK,LEBIH BERSIH, LEBIH HIJAU, LEBIH MAMPAN

5 Mac 2025 (Pasar Ramadan Manal) - MDTM bersama YBrs. Puan Wan Doti Nozarina binti Wan Yahya, Pengerusi Jk Kebersihan, Keindahan Bandar Dan Alam Sekitar telah menyantuni para peniaga dan pengunjung Pasar Ramadan sambil mengedarkan beg kepada pengunjung untuk sama-sama sertai kami dalam kempen ***#TanpaBegPlastik*** sepanjang bulan Ramadan ini. Mari bersama-sama peniaga dan pengunjung Pasar Ramadan untuk beralih kepada beg kitar semula. Beli dengan bijak, jaga alam sekitar. Sayangi Tanah Merah!!







MAJLIS PERJUMPAAN YABRS. TUAN YANG DIPERTUA BERSAMA KAKITANGAN MDTM







Tanah Merah,17 Mac 2025 - Satu majlis perjumpaan rasmi telah diadakan antara YABrs. Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) bersama kakitangan MDTM bertempat di Dewan Jubli Perak Membangun Bersama Islam. Majlis ini bertujuan untuk memperkukuhkan komunikasi antara kepimpinan tertinggi MDTM dengan seluruh warga kerja bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan. Perjumpaan ini juga bagi menyahut saranan Kerajaan Negeri Kelantan supaya mengadakan perjumpaan secara bulanan melalui arahan yang telah dikeluarkan. Dalam ucapannya, YABrs. Tuan Yang Dipertua menekankan kepentingan peningkatan hasil, pematuhan terhadap peraturan serta memastikan pengurusan kewangan yang terbaik. Selain itu, beliau turut mengingatkan setiap bahagian agar mempunyai sasaran utama (KPI) yang jelas demi mencapai matlamat pembangunan yang mampan. Dalam nada yang penuh inspirasi, YABrs. Tuan Yang Dipertua juga mengaitkan peranan setiap individu dalam organisasi dengan kisah lebah seperti yang dinyatakan dalam Surah An-Nahl, ayat 68-69. Beliau menyebut bahawa lebah menjadi simbol kerjasama, disiplin, dan keberkatan dalam setiap tindakan. Lebah bukan sahaja memberikan madu yang bermanfaat, tetapi juga memainkan peranan penting dalam ekosistem, membuktikan bahawa setiap usaha, sekecil mana sekalipun, mampu membawa impak besar jika dilakukan dengan baik dan ikhlas.

MAJLIS PERJUMPAAN YABRS YANG DIPERTUA MDTM BERSAMA KETUA-KETUA BAHAGIAN/ UNIT MDTM

4 MAC 2025









LENSA KAMERA: SUASANA IFTAR JAMAIE DI PADANG MAJLIS DAERAH TANAH MERAH











LENSA KAMERA: PROGRAM BERBUKA PUASA BERKONSEPKAN BERKELAH DI GUILLEMARD VIEW @KUSIAL













WALK ABOUT BERSAMA PENGARAH KPDN NEGERI KELANTAN KE BAZAR RAMADAN RAHMAH, MDTM







TANAH MERAH, 19 MAC 2025 (RABU) - Pengarah KPDN Negeri Kelantan, YBrs. Tuan Hj. Azman bin Ismail, telah mengadakan program Walk About di Bazar Ramadan Rahmah, Dewan Jubli Perak, MDTM Tanah Merah. Program ini merupakan hasil usaha sama antara KPDN dan Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM), bertujuan untuk memperkenalkan Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI), yang memberi kemudahan kepada peniaga kecil dalam pengurusan perniagaan dan memudahkan pengguna dengan pelbagai kaedah pembayaran digital. Kerjasama erat antara KPDN dan MDTM turut dilihat dalam pemantauan peniaga dan promosi Menu Rahmah yang bertujuan membantu golongan yang memerlukan.

Kerjasama erat antara KPDN dan MDTM turut dilihat dalam pemantauan peniaga dan promosi Menu Rahmah yang bertujuan membantu golongan memerlukan. YBrs. Tuan Hj Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha MDTM, turut hadir bersama pegawai-pegawai KPDN Kelantan seperti YBrs. Mohd Faisal bin Hussain, Ketua Cawangan Tanah Merah, YBrs. En. Jibnurdin, Ketua Seksyen PDN, dan YBrs. Tuan Izani, Ketua Unit Kawalan Bekalan.

Kerjasama ini membuktikan komitmen kedua-dua pihak dalam memperkukuhkan ekonomi tempatan dan memudahkan pengurusan perniagaan di kalangan peniaga kecil serta mempromosikan kemudahan yang lebih baik untuk pengguna.

PROGRAM TAZKIRAH AGENSI BERSAMA JAHEAIK TAHUN 2025

TANAH MERAH, 20 MAC 2025 (KHAMIS) - Program Tazkirah Agensi bersama JAHEAIK bagi tahun 2025 telah diadakan dengan jayanya. Tazkirah disampaikan oleh Ustaz Mohd Shaipudin bin Mohd Zain sebagai pentazkirah dan turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM). Sama-sama kita manfaatkan peluang ini untuk menambah ilmu dan memperkukuhkan amalan di bulan Ramadan.

Semoga program ini memberikan keberkatan dan ilmu yang bermanfaat untuk semua.





PERJUMPAAN YBRS SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH TANAH MERAH BERSAMA

KAKITANGAN UNIT KEBERSIHAN

TANAH MERAH, 27 MAC 2025 (KHAMIS) - Satu perjumpaan telah diadakan antara YBrs. Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah dan kakitangan Unit Kebersihan pada jam 2 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Utama MDTM. Perjumpaan ini bertujuan untuk memberi penghargaan dan semangat kepada petugas yang akan tetap berkhidmat pada Hari Raya Aidilfitri 1446H demi memastikan kebersihan kawasan Tanah Merah terus terjaga.

Walaupun ramai yang menyambut hari raya, mereka tetap berkorban demi menjaga kebersihan dan keselesaan kita semua. Terima kasih kepada semua yang bertugas tanpa mengira masa. Semoga semangat ini terus menyemarakkan kerja-kerja kebersihan di Tanah Merah.





CAKNA MDTM BERSAMA PDRM (IPD TANAH MERAH)

IPD TANAH MERAH, 30 MAC 2025 (AHAD) - Sebagai tanda penghargaan atas pengorbanan anggota polis yang bertugas pada malam raya, YBrs. Encik Che Khairul Azhan bin Che Ahmad mewakili Yang Dipertua dan Setiausaha Majlis Daerah Tanah Merah telah menyerahkan sumbangan makanan kepada para anggota yang bertugas.





Majlis Penyampaian Zakat

OLEH BANK RAKYAT DAN

Majlis Penyampaian

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) / PEKERJA CONTOH (PC) 2024

TANAH MERAH, 24 MAC 2025 - Satu majlis telah diadakan bagi penyampaian zakat oleh Bank Rakyat kepada anak-anak yatim serta bantuan Hari Raya kepada staf Majlis Daerah Tanah Merah. Majlis ini turut disertai dengan acara berbuka puasa bagi meraikan para penerima sumbangan. Selain itu, majlis ini juga menyaksikan penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Pekerja Contoh (PC) bagi tahun 2024. Seramai tujuh (7) penerima APC telah menerima wang tunai sebanyak RM1000 beserta sijil penghargaan. Manakala, lima (5) penerima PC menerima wang tunai sebanyak RM250 serta sijil. Penyampaian anugerah dan sumbangan telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tanah Merah, YABrs. Tuan Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin. Majlis ini bukan sahaja menjadi platform untuk menghargai pekerja cemerlang tetapi juga sebagai tanda keprihatinan kepada golongan yang memerlukan sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan.







SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2024:



SURIA BINTI MOHAMAD NOOR



MOHD AMRAM BIN YUSOFF



MAZNI BINTI MAT ZAIN



MOHAMAD JABAL BIN MAT



NURULATUF BINTI MD RAZALI



AZHAR BIN AB LATIH



ARIEF RODZAN BIN ABU BAKAR

SENARAI PENERIMA PEKERJA CONTOH (PC) 2024:



NORUSSILAWATI BINTI YAACOB



NORAKMAN BIN DAUD



MOHD FAIRUS IZWAN BIN ISMAIL



NIK AZLAN BIN ABD RAHMAN



ABDUL AZIZ BIN MUHAMOOD



PERBINCANGAN BERKAITAN CADANGAN PENGURUSAN OPERASI TEMPAT LETAK KERETA

20 MAC 2025 (KHAMIS)

Alhamdulillah, perbincangan mengenai cadangan pengurusan operasi tempat letak kereta telah berjaya diadakan pada 20 Mac 2025 di Bilik Mesyuarat Utama MDTM. Mesyuarat ini dihadiri oleh YABrs. Tuan Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin (Yang Dipertua MDTM), YBrs. Tuan Haji Mohd Nazir bin Yusof (Ketua Whip MDTM), YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof (Setiausaha MDTM), serta Ketua-Ketua Unit dan pihak-pihak berkaitan. Terima kasih kepada delegasi Majlis Perbandaran Kota Bharu atas perkongsian yang sangat bermakna dan komitmen mereka dalam usaha memperbaiki pengurusan tempat letak kereta untuk keselesaan warga Tanah Merah. Kami berharap hasil daripada perbincangan ini akan memberikan impak positif bagi pengurusan tempat letak kereta yang lebih cekap di masa hadapan.





KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN DAN KAWASAN SEKITAR TERMINAL BAS EKSPRESS TANAH MERAH



TANAH MERAH, 26 MAC 2025 (RABU) - Dimaklumkan bahawa kerja-kerja menaiktaraf jalan dan kawasan sekitar Terminal Bas Ekspress Tanah Merah telah siap dijalankan oleh Majlis Daerah Tanah Merah bagi meningkatkan keselesaan dan keselamatan pengguna terminal bas ekspress Tanah Merah. Projek ini bertujuan memastikan perjalanan yang lebih lancar dan selesa, terutamanya bagi perantau yang pulang ke kampung sempena sambutan Aidilfitri yang bakal tiba.



KUNJUNG HORMAT DELEGASI JABATAN TENAGA KERJA NEGERI KELANTAN KE MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

TANAH MERAH, 07 APRIL 2025 (ISNIN) – Majlis Daerah Tanah Merah telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Kelantan yang diketuai oleh YBrs. Encik Sulkifli bin Silong, Pengarah JTK Negeri Kelantan. Kunjungan ini bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan serta meningkatkan pemahaman terhadap peranan penting JTK dalam melaksanakan Akta Kerja 1955 (Akta 265). Antara perkara utama yang dibincangkan dalam pertemuan ini adalah mengenai usaha JTK Negeri Kelantan dalam memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang buruh serta cadangan pembukaan pejabat cawangan JTK di Tanah Merah bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih dekat dan mudah diakses oleh masyarakat setempat.

Hadir sama dalam perbincangan ini ialah YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha MDTM bersama para pegawai kanan Majlis Daerah Tanah Merah.





KERJA-KERJA RUTIN PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI SEKITAR BANDAR TANAH MERAH





Tanah Merah - 7 April 2025 (Isnin) – Unit Landskap Majlis Daerah Tanah Merah telah melaksanakan kerja-kerja rutin penyelenggaraan landskap, termasuk aktiviti merumput dan menyiram pokok bunga di sekitar bandar Tanah Merah.

Usaha berterusan ini bertujuan untuk memastikan persekitaran sentiasa indah, hijau dan terpelihara, sekaligus mewujudkan suasana yang lebih nyaman dan selesa untuk dinikmati oleh seluruh komuniti.

KERJA-KERJA RUTIN PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI BANDAR KOTA HARMONI, TANAH MERAH



TANAH MERAH, 09 APRIL 2025 (RABU) - Unit Landskap Majlis Daerah Tanah Merah terus menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan landskap secara konsisten bagi memastikan Bandar Kota Harmoni, Tanah Merah kekal bersih, indah, ceria dan terpelihara. Setiap usaha yang dilakukan mencerminkan dedikasi MDTM dalam menyediakan persekitaran yang nyaman dan harmoni untuk kesejahteraan masyarakat.

KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH SERTA MENGECAT SEMULA HENTIAN BAS DI LALUAN TEPI SEKOLAH KEBANGSAAN TANAH MERAH (SKTM 1)

TANAH MERAH, 13 APRIL 2025 (AHAD)- Bahagian Kejuruteraan MDTM telah melaksanakan kerja-kerja membaik pulih serta mengecat semula hentian bas di laluan tepi Sekolah kebangsaan Tanah Merah 1 (SKTM 1). Inisiatif ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan kemudahan awam berada dalam keadaan selamat, selesa dan berfungsi dengan baik.







KERJA-KERJA KECERIAAN DAN KEINDAHAN BANDAR TANAH MERAH





TANAH MERAH,15 April 2025 (Selasa)-Unit Landskap MDTM sedang giat melaksanakan kerja-kerja keceriaan dan keindahan di laluan pejalan kaki Guillemard View serta menceriakan dinding di Gertak Sungai Maka, Dataran JPS. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk mencantikkan persekitaran demi keselesaan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti setempat.

TAHUKAH ANDA?: *Laman Seni Tanah Merah*

Laman Seni Tanah Merah berkonsepkan seni mural pop art 2D dengan lukisan-lukisan kreatif yang mencerminkan seni, budaya dan identiti Jajahan Tanah Merah. Laman ini terletak di lorong tengah bangunan Kompleks Perniagaan Humaira, Tanah Merah. Jangan lupa untuk bergambar di kawasan ini sekiranya berkunjung ke Tanah Merah





KERJA-KERJA RUTIN PEMBERSIHAN PASAR BESAR TANAH MERAH

Tarikh : 15/4/2025
Hari : Selasa
Lokasi : Pasar Besar Tanah Merah



Kerja-kerja pembersihan Pasar Besar Tanah Merah telah dilakukan oleh pemajak pasar secara rutin atau harian. Ayuh semua pihak cakna dalam menjaga kebersihan persekitaran, patuhi peraturan Majlis dan terapkan budaya menjaga kebersihan sebagai tanggungjawab bersama.

KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN LANDSKAP DI PERSEKITRARAN PEJABAT TANAH JAJAHAN TANAH MERAH (PTJTM) SERTA PENERBANGAN DAHAN-DAHAN POKOK DI KEDIAMAN RASMI KETUA JAJAHAN TANAH MERAH







TANAH MERAH,17 April 2025 (Khamis)-Unit Landskap Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) terus melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dalam memastikan persekitaran yang indah dan selamat. Kerja-kerja pengubahsuaian landskap telah dijalankan di kawasan sekitar PTJTM, melibatkan penyusunan semula tanaman serta pembersihan kawasan. Dalam masa yang sama, kerja penebangan dahan-dahan pokok turut dilaksanakan di kediaman rasmi Ketua Jajahan Tanah Merah bagi tujuan keselamatan dan penjagaan landskap secara berterusan.







SAMBUTAN HARI TIBI SEDUNIA & AGENDA NASIONAL MALAYSIA (ANMS) 2025

Peringkat Negeri Kelantan | Daerah Tanah Merah
Tema: Bersama Hentikan TIBI – Perkasa Komitmen, Dana & Perkhidmatan
Dirasmikan oleh:
YB. Hilmi bin Abdullah
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan
Tarikh: 17 April 2025 (Khamis)
Lokasi: Dewan Jubli Perak, Majlis Daerah Tanah Merah
Komitmen bersama untuk Malaysia yang lebih sihat dan bebas TIBI!

KAJIAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN NEGERI KELANTAN DI GUILLEMARD @VIEW KUSIAL, TANAH MERAH OLEH PUSAT KAJIAN STRATEGIK KERAJAAN NEGERI KELANTAN

TANAH MERAH, 19 APRIL 2025 (SABTU) – Majlis Daerah Tanah Merah telah menerima kunjungan dua orang panel dari Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan iaitu Encik Ahmad Faeez bin Muhamad dan Encik Hamdan bin Ismail untuk Kajian Pembangunan Pelancongan di Guillemard View@Kusial, Tanah Merah. Majlis Daerah Tanah Merah telah diwakili oleh YBrs. Encik Norman bin Kassim, Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Penerangan, Perpaduan dan Pelancongan, YBrs. TPr Ahmad Azrin bin Aziz, Pegawai Perancang Bandar dan Desa dan YBrs. Ustaz Saiful Adli bin Mohd Salleh, Penolong Pegawai Tadbir (Pembangunan Islam). Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti berkaitan potensi, cabaran dan cadangan penambahbaikan di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tanah Merah. Sebagai tanda penghargaan, pihak Majlis Daerah Tanah Merah turut menyampaikan cenderahati kepada para panel yang terlibat.







PROGRAM TAKLIMAT

Pengurusan dan Prosedur Pensijilan Halal

PERINGKAT JAJAHAN TANAH MERAH

TANAH MERAH, 21 April 2025 - Majlis Daerah Tanah Merah dengan kerjasama Pejabat Agama Jajahan Tanah Merah telah menganjurkan program Taklimat Pengurusan Dan Prosedur Pensijilan Halal Peringkat Jajahan Tanah Merah. Majlis ini berlangsung di Dewan Dato' Bentara Kanan, Pasar Besar Tanah Merah dan dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelesenan, Peniaga Kecil Dan Pembangunan Usahawan, MDTM, YBrs. Tuan Haji Mohd Nazir bin Yusoff mewakili YABrs. Yang Dipertua MDTM. Program ini turut serta dihadiri oleh Pegawai Agama Jajahan Tanah Merah, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, JAHEAIK dan Pengarah Pusat Halal, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi penjelasan secara terperinci mengenai pengurusan dan prosedur Pensijilan Halal Malaysia serta Dasar Kerajaan Negeri Kelantan telah meletak syarat wajib dalam lesen perniagaan bagi kategori premis seperti restoran & medan selera dalam pasaraya dan lapangan terbang, restoran berantai, restoran makanan segera, kedai kopitiam, kedai roti & kek, dapur hotel dll. Majlis merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program tersebut.







JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN 2025 MELALUI KAUNTER BERGERAK HARI INI

Tanah Merah, 25 April 2025 (Jumaat) - Kaunter Bergerak Majlis Daerah Tanah Merah telah dibuka di Pasar Tani (Dataran Ilmu, Jalan Hospital) bermula jam 08:00 pagi hingga jam 12:00 tengah hari. "

KEMPEN JOM JELASKAN CUKAI TAKSIRAN 2025

Dapatkan peluang hebat untuk menang hadiah wang tunai dengan bayaran cukai taksiran 2025! 🎉

Bayar cukai taksiran 2025 dan anda berpeluang memenangi:

Hadiah Utama: RM6,000 x 1
Hadiah Kedua: RM3,000 x 2
Hadiah Ketiga: RM1,000 x 3

Cara Pembayaran Mudah:

Kaunter Pembayaran MDTM
Cek/Wang Pos (Majlis Daerah Tanah Merah)
JomPAY
Perbankan Internet
Kaunter Bergerak
PBTPAY (https://pbtpay.kpkt.gov.my)

Syarat Penyertaan:

Terbuka kepada pemilik cukai taksiran di kawasan MDTM
Pembayaran penuh tanpa tunggakan untuk tahun 2025

Jangan lepaskan peluang keemasan ini untuk menang!

Penyertaan dibuka dari 1 Januari 2025 hingga 30 Ogos 2025.

Bayar, Jelaskan, dan Menangi!



Majlis Sambutan
HARI RAYA AIDILFITRI

ANJURAN BERSAMA MAJLIS DAERAH TANAH MERAH & JAJAHAN TANAH MERAH

TANAH MERAH, 27 APRIL 2025 (AHAD) – Majlis Daerah Tanah Merah dan Pejabat Tanah & Jajahan Tanah Merah telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung meriah bertempat di Kediaman Rasmi Ketua Jajahan Tanah Merah.

Majlis ini bukan sekadar jamuan, tetapi simbol ukhuwah, kebersamaan dan silaturrahim antara warga kerja Majlis Daerah Tanah Merah dan Pejabat Tanah & Jajahan Tanah Merah bersama tetamu kehormat dari Pejabat Daerah Waeng Thailand, pemimpin tempatan, Ahli-Ahli Majlis, wakil agensi kerajaan dan swasta.

Kemeriahan jelas terasa apabila pelbagai gerai makanan menghiasi ruang makan, menghidangkan juadah tradisional yang membangkitkan nostalgia lebaran. Majlis turut diserikan dengan persembahan buskers, dengan suasana penuh warna-warni menjadikan sambutan Aldilfitri ini benar-benar istimewa. Majlis Daerah Tanah Merah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dan mengucapkan selamat hari raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Semoga semangat Syawal ini terus mengukuhkan komitmen kita untuk terus menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan bandar Tanah Merah yang kita cintai ini.



Majlis Sambutan

HARI RAYA AIDILFITRI

ANJURAN BERSAMA MAJLIS DAERAH TANAH MERAH & JAJAHAN TANAH MERAH













HARI KESIHATAN DAN MDTM BERSAMA KOMUNITI TAMAN BARAKAH

Tarikh: 10 Mei 2025 (Sabtu)
Lokasi: Taman Barakah, Tanah Merah
Aktiviti yang disediakan:
Pemeriksaan Kesihatan Percuma
- Tekanan Darah
- Paras Gula (Kencing Manis)
- Saringan Tibi (Batuk Kering)
Ceramah Kesihatan
- Penyakit Tibi & Denggi: Pencegahan & Rawatan
Kaunter Taksiran Cukai Pintu MDTM
- Bayaran & Pertanyaan Cukai Pintu
Jemput semua penduduk Taman Barakah dan kawasan sekitarnya! Jaga kesihatan, tingkatkan kesedaran dan selesaikan urusan cukai pintu anda dengan mudah.

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI SEKITAR PADANG MAJLIS DAERAH TANAH MERAH DAN LALUAN UTAMA

Bahagian Landskap telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap yang tertumpu di sekitar Padang Majlis Daerah Tanah Merah dan Laluan Utama sebagai langkah memperindah persekitaran dan meningkatkan keceriaan kawasan. Antara kerja yang telah dilaksanakan termasuk:
Kerja-kerja pemangkasan pokok bunga. Penyingkiran rumput liar di sekitar pangkal pokok. Pembersihan kawasan secara menyeluruh. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan persekitaran sentiasa dalam keadaan bersih, kemas dan menarik.





TAKLIMAT KERJA-KERJA NAIKTARAF PASAR BESAR TANAH MERAH FASA 3 TAHUN 2025





Tarikh: 14 Mei 2025
Masa: 11.30 pagi
Tempat: Dewan Dato' Bentara Kanan, Pasar Besar Tanah Merah

Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) telah menerima peruntukan sebanyak RM750,000 daripada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi melaksanakan kerja-kerja naiktaraf Pasar Besar Tanah Merah bagi Fasa 3 tahun 2025.

Skop kerja melibatkan

1. Naiktaraf bumbung
2. Naiktaraf lantai
3. Sistem kawalan keselamatan
4. Naiktaraf zon basah dan lain-lain

Kerja-kerja dijangka bermula pada Jun 2025.

Komitmen kami adalah untuk memastikan keselesaan, keselamatan dan kemudahan terbaik untuk para peniaga dan pengunjung pasar.

KERJA-KERJA RUTIN PENYELENGGARAAN LAMPU OLEH BAHAGIAN KEJURUTERAAN MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

TANAH MERAH, 15 MEI 2025 (KHAMIS) - Bahagian Kejuruteraan MDTM telah menjalankan kerja-kerja rutin penyelenggaraan lampu di sekitar kawasan Taman Barakah dan Kem Askar Batu 11, termasuk lampu highmast serta lampu hiasan pokok. Langkah ini dilaksanakan bagi memastikan sistem pencahayaan awam sentiasa berada dalam keadaan optimum demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk setempat.







PENYERAHAN NOTIS 'E' CUKAI TAKSIRAN



Majlis Daerah Tanah Merah melalui Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta telah melaksanakan operasi penyerahan Notis 'E' kepada pemilik premis di kawasan perniagaan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) bermula 15 Mei hingga 21 Mei 2025. Operasi ini menyasarkan pemilik yang masih belum menjelaskan bayaran cukai taksiran serta mempunyai tunggakan. Semua pemilik premis diingatkan untuk menyelesaikan tunggakan cukai taksiran dengan segera bagi mengelakkan tindakan lanjut. Sekiranya gagal, Premis milik Pemilik/Penyewa akan dikenakan tindakan sitaan/lelongan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Kerjasama anda amat dihargai dalam memastikan kelancaran pentadbiran dan pembangunan kawasan Tanah Merah.









PROGRAM GOTONG-ROYONG KOMUNITI DI TAMAN REKREASI LATA HUJAN, GUAL IPOH

TANAH MERAH, 22 MEI 2025 (KHAMIS) - Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) dengan kerjasama Anggota RELA dan Komuniti Setempat telah melaksanakan Program Gotong-Royong Komuniti yang bertempat di Taman Rekreasi Lata Hujan, Gual Ipoh. Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kebersihan dan keceriaan kawasan rekreasi serta memupuk semangat kerjasama antara agensi dan komuniti setempat. MDTM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan demi kesejahteraan dan kelestarian persekitaran daerah Tanah Merah.

KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT DI KAWASAN MEDAN BENTARA JELATOK JALAN PASIR MAS





Tanah Merah, 26 Mei 2025 (Isnin) - Unit Landskap Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) telah melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput di kawasan Medan Bentara Jelatok, Jalan Pasir Mas. Aktiviti ini merupakan sebahagian daripada aduan awam bagi memastikan kebersihan dan keindahan kawasan awam sentiasa terpelihara demi keselesaan peniaga dan pengunjung Medan Bentara Jelatok.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA INFRAQUEST SDN.BHD. KE MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

Tanah Merah, 03 Jun 2025 (Selasa) - Majlis Daerah Tanah Merah hari ini menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pegawai Operasi Infraquest Sdn. Bhd. (IQSB) bagi membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan infrastruktur telekomunikasi serta perbincangan lanjut berkaitan kerjasama strategik dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pertemuan ini diadakan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek telekomunikasi yang selaras dengan dasar pembangunan digital serta keperluan liputan rangkaian yang lebih baik di daerah ini.







OPERASI PERANGKAP MINYAK MEDAN SELERA PASAR BESAR TANAH MERAH





3 JUN 2025 - 5 notis amaran telah dikeluarkan kepada peniaga di Medan Selera Pasar Besar Tanah Merah supaya mematuhi syarat serta merta iaitu pengunaan dan pembersihan perangkap minyak (grease trap) secara berkala.

Sekiranya peniaga masih ingkar kepada syarat-syarat ini membolehkan pihak Majlis mengeluarkan kompaun di bawah Seksyen 109, Akta 171 kerana mengingkari notis iaitu tidak mengunakan perangkap minyak (grease trap) dan pembersihan secara berkala. Nilai denda maksima bagi kesalahan ini adalah RM 500.00

Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) ingin mengingatkan kepada mana-mana peniaga supaya sentiasa mematuhi syarat-syarat dan memastikan premis dalam keadaan yang bersih serta tidak menimbulkan kacau ganggu kepada peniaga lain.

MAJLIS MAKAN TENGAHARI MERAIKAN PETUGAS QARYAH RAMADAN MDTM 2025



Majlis Daerah Tanah Merah mengadakan majlis penghargaan kepada semua petugas Qaryah Ramadan MDTM sebagai tanda terima kasih atas sumbangan dan komitmen sepanjang bulan Ramadan yang lalu.
Tarikh: 10 Jun 2025 / 13 Zulhijjah 1446H
Masa: 12.00 tengahari
Tempat: Dewan Selera Tepi Sungai, Tanah Merah







KUNJUNG HORMAT PEJABAT BELIA SUKAN DAERAH TANAH MERAH KE MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

TANAH MERAH, 11 JUN 2025 (RABU) - Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) hari ini menerima kunjung hormat daripada Pejabat Belia dan Sukan Tanah Merah bertempat di Bilik Mesyuarat Utama (BMU) MDTM jam 11.00 pagi. Kunjungan ini bertujuan membincangkan persetujuan penyewaan premis bangunan baharu Pejabat Belia dan Sukan Tanah Merah.

Turut hadir YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof (Setiausaha Majlis), bersama beberapa kakitangan MDTM yang lain iaitu YBrs. TPr. Ahmad Azrin bin Aziz (Pegawai Perancang Bandar dan Desa), YBrs. Che Khairul Azhan bin Che Ahmad (Penolong Pegawai Tadbir Kanan), YBrs. Sr Siti Nor Haswanie binti Omar (Penolong Pegawai Penilaian dan Pengurusan Harta), YBrs. Mohd Ammar bin Che Hamat (Penolong Pegawai Perhubungan Awam dan Korporat).

Semoga kerjasama ini terus memperkukuh hubungan strategik demi pembangunan belia di Tanah Merah.







MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB) FASA 1



TANAH MERAH, 15 JUN 2025 (AHAD) - Majlis Penyerahan Kunci Rumah PPKB Fasa 1 telah berlangsung pada 15 Jun 2025 (Ahad) di dua lokasi – Kampung Lebai Leh dan Kampung Bukit Tebu, Tanah Merah. Program ini dianjurkan dengan kerjasama Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) bagi membantu golongan berkelayakan memiliki rumah kediaman sendiri. Majlis dimulakan di Kampung Lebai Leh dengan penyerahan kunci kepada Pn. Romlah Binti Jusoh, disusuli taklimat dan lawatan rumah. Rombongan kemudiannya bergerak ke Kampung Bukit Tebu bagi penyerahan kunci kepada Pn. Norhayati Binti Mat Kib. Turut hadir memeriahkan program ialah YABrs. Yang Dipertua MDTM, Ketua Whip, dan Setiausaha MDTM. Majlis diakhiri dengan jamuan tengah hari dan sesi ramah mesra bersama penerima rumah dan penduduk setempat. Semoga rumah baharu ini menjadi permulaan kepada kehidupan yang lebih selesa dan sejahtera.



MESYUARAT PENYELARASAN GUILLEMARD BRIDGE RUN 2025



TANAH MERAH, 18 JUN 2025 (RABU) - Mesyuarat penyelarasan Guillemard Bridge Run 2025 yang dipengerusikan oleh YB Datuk Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Kelantan memberi fokus kepada logistik, promosi, keselamatan dan penyertaan untuk memastikan acara ini berjalan lancar dan memberi pengalaman terbaik kepada semua peserta.







PROGRAM GOTONG ROYONG KOMUNITI & PEMBASMIAN TEMPAT PEMBIAKAN NYAMUK AEDES





Tarikh: 22 Jun 2025 (Ahad)
Masa: 8.30 pagi – 12.00 tengah hari
Tempat: Bandar Baru Bukit Bunga
Program ini merupakan inisiatif bersama bagi memastikan persekitaran yang lebih bersih, selamat dan bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes.
Penglibatan Agensi & Komuniti:
1. Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM)
2. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Bukit Bunga
3. Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia
4. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM/JPAM)
5. Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Akil
Ayuh bersama menjayakan program ini demi kesihatan dan kesejahteraan komuniti! Bersih Kawasan, Cegah Denggi!

PERSIAPAN PASUKAN MDTM MENJELANG PERLAWANAN PERSAHABATAN MENENTANG PASUKAN MAJLIS DAERAH TUMPAT

TANAH MERAH, 22 JUN 2025 (AHAD) - Pasukan Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) kini giat menjalani sesi latihan sebagai persiapan menghadapi perlawanan persahabatan menentang Majlis Daerah Tumpat yang dijadualkan berlangsung pada 26 Jun 2025 (Khamis). Sesi latihan dijalankan di Padang Majlis Daerah Tanah Merah, menyemarakkan semangat kesukanan dan kerjasama antara kedua-dua pihak berkuasa tempatan. Ayuh warga MDTM dan penduduk Tanah Merah, sama-sama beri sokongan!



PERASMIAN PERSIDANGAN MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA PERINGKAT DAERAH TANAH MERAH SIDANG 1 SESI 2025-2026

Tanah Merah, 24 Jun 2025 (Selasa) - Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara Peringkat Daerah Tanah Merah Sidang 1 Sesi 2025-2026 berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama, Majlis Daerah Tanah Merah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YABrs. Encik Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin, Ketua Jajahan Tanah Merah merangkap Pengerusi Majlis Perundingan Belia Daerah Tanah Merah.

Persidangan ini menjadi medan perbincangan isu-isu semasa belia daerah bersama pemimpin pertubuhan belia dan wakil agensi kerajaan.

Antara pengisian utama termasuk ucaptama perasmian, penyampaian sijil lantikan ahli MPBN Daerah, pembentangan kertas kerja oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan serta perbahasan isu dan usul belia.

Majlis Daerah Tanah Merah merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dan berharap persidangan ini dapat memperkukuh kerjasama strategik dalam memperkasa belia serta merencana pembangunan belia daerah secara berkesan.

MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN ECO SHOP DI PLAZA IMT-GT BUKIT BUNGA, TANAH MERAH



BUKIT BUNGA, 25 JUN 2025 – Majlis Perasmian Pembukaan Eco Shop di Plaza IMT-GT Bukit Bunga, Tanah Merah telah berlangsung dengan jayanya bagi memeriahkan suasana perniagaan setempat serta memberi lebih banyak pilihan keperluan harian kepada masyarakat kawasan sempadan.

Perasmian telah disempurnakan oleh YB Mejar (B) Dato' Haji Md Anizam bin Ab Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan Negeri Kelantan. Turut hadir YABrs. Encik Wan Ahmad Suwaidi bin Zainal Abidin, Ketua Jajahan Tanah Merah merangkap Yang Dipertua MDTM, YB Tuan Almidi bin Jaafar, YBhg. Dato' Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, YBrs. Tuan Haji Mohd Khairil Hazmie bin Yusof, Setiausaha MDTM, YBrs. Tuan Haji Mohd Nazir bin Yusof, Ketua Whip MDTM, pihak pengurusan Eco-Shop Marketing Sdn. Bhd. serta para dif kehormat yang lain.

Majlis diisi dengan ucapan, bacaan doa, gimik perasmian, lawatan sekitar premis dan diakhiri dengan jamuan ringan serta sesi bergambar kenangan. Pihak MDTM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan majlis ini.

OPERASI PENGUATKUASAAN IKLAN TANPA KEBENARAN OLEH BAHAGIAN PENGUATKUASAAN MDTM

Tarikh: 26 Jun 2025 (Selasa), Lokasi: Pusat Bandar & Jalan Protokol Tanah Merah, Kelantan, Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) melalui Bahagian Penguatkuasaan telah melaksanakan Operasi Menurunkan Iklan Tanpa Kebenaran memfokuskan kawasan Pusat Bandar serta laluan utama:
Jalan Pasir Mas, Tanah Merah,Jalan Machang, Tanah Merah, Jalan Ismail Petra.


Dalam operasi tersebut, sebanyak 178 keping iklan haram jenis bunting telah berjaya diturunkan kerana dipasang tanpa kebenaran dan melanggar peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.Majlis Daerah Tanah Merah ingin menyeru orang ramai supaya sentiasa mematuhi peraturan yang berkuatkuasa dan sekiranya ingin mendapatkan sebarang maklumat tambahan berkaitan pengiklanan, sila berhubung terus dengan Bahagian Pelesenan Majlis Daerah Tanah Merah.

PERLAWANAN BOLA SEPAK PERSAHABATAN ANTARA MAJLIS DAERAH TANAH MERAH DAN MAJLIS DAERAH TUMPAT

TANAH MERAH , 26 JUN 2025 (KHAMIS) - Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antara Majlis Daerah Tanah Merah dan Majlis Daerah Tumpat telah diadakan di Padang Merdeka, Majlis Daerah Tanah Merah. Perlawanan ini turut dihadiri oleh YBrs. Setiausaha kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan. Perlawanan berkesudahan MD Tanah Merah menewaskan MD Tumpat dengan jaringan 4 - 0. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada para pemain dari kedua-dua pasukan dan juga piala pusingan kepada pasukan yang berjaya dalam perlawanan kali ini. Majlis diakhiri dengan jamuan ringkas dan solat maghrib berjemaah di Masjid Ketua Jajahan. Di pihak tuan rumah, MDTM mengucapkan terima kasih kepada pasukan pelawat dan mohon maaf atas sebarangan kekurangan. Terima kasih semua. InsyaAllah jumpa lagi di lain masa. Salam Awal Muharram 1447H.









TEMPAT-TEMPAT MENARIK DI TANAH MERAH

Tanah Merah, sebuah daerah yang terletak di selatan negeri Kelantan, sememangnya kaya dengan keunikan budaya, sejarah serta keindahan alam semula jadi. Walaupun tidak sepopular bandar-bandar besar lain, Tanah Merah tetap memiliki daya tarikannya yang tersendiri. Daerah ini menawarkan pelbagai tempat menarik yang sesuai untuk dilawati oleh pelancong tempatan mahupun luar. Keindahan semula jadi, warisan tradisi, serta keramahan penduduk setempat menjadikan Tanah Merah sebagai salah satu destinasi yang wajar diterokai oleh sesiapa yang ingin merasai suasana kampung yang damai dan tenang, sambil menikmati keindahan alam yang masih terpelihara.





BARAKAH WALK, TANAH MERAH

Barakah Walk terletak di persimpangan lampu isyarat dari Taman Barakah ke Pusat Bandar Tanah Merah. Kawasan ini menampilkan landskap yang menarik terutamanya pada waktu malam.









ARCA DURIAN RAJA KUNYIT, TANAH MERAH

Arca Durian Raja Kunyit dibina sebagai mercu tanda yang menandakan kedudukan di Jajahan Tanah Merah. Durian ini berasal dari Pulau Raya, Tanah Merah, dan telah didaftarkan secara rasmi sebagai varieti D197 Raja Kunyit. Kini, ia lebih dikenali dengan nama komersialnya, Musang King, yang terkenal di seluruh negara. Arca Durian Kunyit Raja di Tanah Merah merupakan simbol visual yang menggambarkan identiti tempatan melalui seni bina awam. Terletak di ruang bandar yang mudah diakses, arca ini bukan sahaja memperindah persekitaran tetapi juga menjadi tarikan berbentuk ikonik untuk fotografi serta daya tarikan komuniti dan pelancong.



Indahnya Kelantan







LATA TELAGA BIJIH, TANAH MERAH

Lata Bijih merupakan destinasi rekreasi semula jadi yang terletak di Tanah Merah, Kelantan, terkenal dengan suasana yang tenang serta air terjun yang jernih dan menyegarkan. Keindahan landskap berbatu semula jadi serta aliran air yang mengalir di celah batu-batuan menjadikan kawasan ini pilihan utama pengunjung untuk beristirahat, berkelah, dan menikmati udara segar. Dikelilingi oleh kehijauan flora hutan tropika, Lata Bijih menawarkan pengalaman santai yang menenangkan, sesuai untuk percutian singkat bersama keluarga atau rakan-rakan.

LAMAN SENI TANAH MERAH

Laman Seni Tanah Merah berkonsepkan seni mural pop art 2D dengan lukisan-lukisan kreatif yang mencerminkan seni, budaya dan identiti Jajahan Tanah Merah. Laman ini terletak di lorong tengah bangunan Kompleks Perniagaan Humaira, Tanah Merah. Jangan lupa untuk bergambar di kawasan ini sekiranya berkunjung ke Tanah Merah.













LATA HUJAN, TANAH MERAH

Lata Hujan Ulu Kusial merupakan salah satu lokasi rekreasi dan perkelahan yang popular di negeri Kelantan khususnya di daerah Tanah Merah. Nama Lata Hujan diambil sempena semburan (Piah) air terjun yang terkena pada penduduk sekitarnya. Kini, kawasan rekreasi ini telah menjadi salah satu tarikan utama sektor pelancongan bagi jajahan Tanah Merah. Jarak dengan pusat bandar Kota Bharu adalah 66.9 Km.

PLAZA IMT-GT, BUKIT BUNGA TANAH MERAH

- Bukit Bunga merupakan kampung yang bersempadan dengan Malaysia-Thailand. Bukit Bunga terletak 30 km dari Tanah Merah sekiranya melalui Lebuhraya Timur Barat.
- Deretan kedai yang menawarkan pelbagai barangan dengan harga yang berpatutan pasti menggamit naluri pelancong untuk membeli-belah.



مجليس داءيره تانه ميره

Cara Gunapakai Aplikasi



MAKLUMAN

معلومت اوڤراسي

MAKLUMAT OPERASI

HARI OPERASI : SABTU - KHAMIS

MASA OPERASI : 8:00 PG - 6:00 PTG
(Jumaat & Cuti Am dikecualikan)

KADAR BAYARAN : 30 MINIT - 40 SEN
1 JAM - 80 SEN

BAYAR CAJ TEMPAT LETAK KERETA MELALUI APLIKASI PINTAR FLEXI PARKING

مجليس داءيره تانه ميره

MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

ڤرهاتين

PERHATIAN

OPERASI PENGUATKUASAAN TEMPAT LETAK KERETA AKAN BERMULA PADA 15 JULAI 2025. BAYAR PARKIR KENDERAAN ANDA, ELAKKAN DIKOMPAUN

ARAHAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

LAMAN INFO:

MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

INSTAGRAM MDTM

FACEBOOK MDTM

WEBSITE MDTM

TIKTOK MDTM









09-955 6023

mdtanahmerah.gov.my

Majlis Daerah Tanah Merah

mdtm@kelantan.gov.my